

Muzium Perancis paparkan kekejaman rejim Nazi

KISAH perjuangan kumpulan yang menentang penjajahan rejim Nazi pada Perang Dunia Kedua berjaya didokumenkan di Perancis.

Ramai orang tidak mengetahui bahawa beribu-ribu ahli kumpulan itu dipaksa bekerja di lokasi senjata rahsia Adolf Hitler.

Selepas tujuh dekad berlalu, Perancis bertekad untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang perkara ini.

Ia sebagai penghormatan kepada 9,000 orang pejuang yang dijadikan hamba bagi menggali terowong ais bawah tanah.

Dalam keadaan gelap dan kekurangan udara bersih, seramai 4,500 tahanan rakyat



THIERY menunjukkan gambar-gambar tahanan Perancis yang dipaksa melakukan kerja berat oleh rejim Nazi.

tinggal di neraka. Kami tidur di atas katil bertingkat yang dipenuhi dengan kutu dan bekerja selama 18 jam sehari

dipaparkan dalam arkib di muzium itu.

Pasukan muzium telah mengumpul data



KOLEKSI gambar kilang bawah tanah bagi menghasilkan senjata pada era pemerintahan rejim Nazi.



DOKUMEN mengenai tahanan dikumpul secara terperinci oleh Pusat Sejarah dan Memori La Coupole, Muzium Perang Dunia Kedua di Helfaut, Perancis.

Perancis yang kesemuanya lelaki meninggal dunia di kem tahanan Mittelbau-Dora atau lebih dikenali sebagai Dora di Nordhausen, Jerman selepas ia dibina pada Ogos 1943.

Sepanjang tempoh lapan bulan pertama, hampir satu pertiga daripada mereka terkorban dalam kem itu.

Kisah yang menyayat hati itu sedang disusun rapi oleh Pusat Sejarah dan Memori La Coupole, Muzium Perang Dunia Kedua di Helfaut, Perancis.

Pusat itu dibina di atas tapak sebuah kubu yang didirikan sebagai asas untuk melancarkan roket V2.

V2 adalah peluru berpandu jarak jauh pertama di dunia yang direka dan ia berjaya memusnahkan kota London selepas lima minit meninggalkan pantai Perancis.

Ia telah dicipta oleh Wernher Von Braun. Selepas perang, dia berpindah ke Amerika Syarikat dan membantu angkasawan negara itu sampai ke bulan.

Namun, peristiwa di kem tahanan Dora tidak akan dilupakan oleh Georges Jouanin, 94, yang merupakan salah seorang mangsa kekejaman tentera Nazi.

“Saya berasa seperti

sebelum 10 jam sebelum untuk memecahkan batu.

“Kami menjadi buruh paksa dan melihat rakan-rakan mati di depan mata kerana melakukan kerja berat tanpa henti,” jelasnya.

Jouanin yang merupakan pengatur huruf terlatih telah dihantar ke kem Buchenwald pada Disember 1943 selepas ditahan di Perancis.

Kumpulan rekod

Bulan berikutnya, dia tiba di Dora dan dipaksa menggali terowong sepanjang dua kilometer bersama tahanan-tahanan lain untuk membina kilang bagi menghasilkan bom.

Menurut ahli sejarah dari Pusat Sejarah dan Memori La Coupole, Laurent Thiery, lebih 60,000 orang ditahan di Dora terutamanya dari Rusia dan mereka meninggal dunia dalam keadaan yang mengerikan.

Menjelang tahun 2020, Thiery bersama rakan-rakannya berhasrat untuk mengumpulkan rekod para pejuang bagi mengenang jasa mereka dan kesengsaraan yang dihadapi.

Butiran terperinci mengenai kerjaya, keluarga, pandangan politik dan kisah sepanjang mereka menjadi tahanan serta kematian akan

telah mengumpul data terutamanya dokumen yang disediakan oleh keluarga dan rakan-rakan tahanan.

Sebuah jawatankuasa diwujudkan selepas perang berakhir untuk memberikan bantuan kepada balu-balu dan anak-anak mereka yang terkorban dalam kem tahanan itu.

Anak-anak Jean Gineston merupakan antara ahli jawatankuasa itu yang aktif membantu keluarga mangsa tahanan perang.

Gineston berjaya meninggalkan kem tahanan di Dora dan The Bergen-Belsen apabila dia dihantar pulang sebulan selepas perang di Eropah berakhir.

Dia mengalami demam kepialu dan hanya mempunyai berat badan 38 kilogram.

Apabila dia meninggal dunia pada tahun 2009, anak-anak perempuannya iaitu Marie-Christine dan Marie-Helene menyerahkan barangan peribadi Gineston kepada pihak Muzium La Coupole.

Ujar Thiery, pada bulan Mei tahun lalu, ada seorang wanita menyerahkan barangan peribadi mangsa dan dia tidak dapat menahan sebak apabila mengingati peristiwa hitam itu

menimpa orang yang disayanginya.

Seorang petugas di tapak peringatan Dora, Regina Heubaum berkata, pihaknya banyak menerima sumbangan barangan peribadi mangsa yang dihadiahkan oleh ahli keluarga mereka.

“Rekod yang dimiliki oleh Perancis ini akan menjadi sumber luar biasa terutamanya bagi keluarga mangsa yang datang untuk mendapatkan maklumat mengenai ahli keluarga mereka.

“Ia akan dikemukakan dalam bentuk kamus yang bukan sahaja membuatkan kisah-kisah peribadi mangsa tetapi termasuk artikel ditulis oleh pakar-pakar daripada pelbagai aspek penyelidikan tentang Dora,” katanya. – AFP

Kosmo
24/5/17
mls 25. (62)

ORANG ramai meletakkan jambangan bunga di tugu peringatan bagi mengenang penderitaan yang dilalui oleh tahanan Perancis.

